

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# 589 kes baharu, Sabah terus rekod jangkitan tertinggi

409 pesakit sembuh jumlah paling ramai pernah dicatat

Oleh Suhael Adnan dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Penularan pandemik COVID-19 di negara ini kekal pada tiga angka jangkitan harian, apabila 589 kes baharu merekodkan kes tertinggi iaitu 304 atau 51.6 peratus daripada jumlah dilaporkan semalam.

Pada masa sama, sebanyak 409 kes sembuh COVID-19 direkodkan semalam, sekali gus menjadikan jumlah tertinggi pernah dicatatkan sejak penularan wabak berkenaan di negara ini. Sebelum ini, jumlah kes sembuh tertinggi ialah 350 kes pada Selasa lalu.

Walaupun jumlah kes sembuh meningkat, COVID-19 terus meragut nyawa mangsa di Sabah apabila wanita berusia 100 tahun antara tiga individu meninggal dunia semalam, menjadikan kematian akibat pandemik itu melonjak kepada 170 kes atau 0.9 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah,

berkata pertambahan kes baharu semalam, menjadikan kumulatif kes di negara ini 18,129 kes.

"Daripada 589 kes baharu dilaporkan itu, ada tiga kes import yang mendapat jangkitan di luar negara membabitkan warga asing.

"Sehingga kini, 103 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) termasuk 31 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pertambahan 409 kes sembuh semalam, menjadikan jumlah kumulatif sembuh sebanyak 12,014 kes, bersamaan 66.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Daripada jumlah kes pulih semalam, antara negeri yang mencatatkan kes sembuh ialah Sabah

iaitu 111 kes, diikuti Selangor 50 kes, Terengganu (5), Johor (8) dan Pahang satu kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, wanita warga asing berusia 100 tahun yang menjadi mangsa ke-170 adalah kes 13,844 yang meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent.

"Kematian ke-168, membabitkan kes 12,170 wanita berusia 54 tahun dengan pelbagai penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan penyakit kelenjar tiroid. Beliau meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth.

"Kes kematian ke-169 membabitkan lelaki berusia 68 tahun dan mempunyai penyakit kencing manis dan disahkan meninggal dunia di Hospital Tawau," katanya.



Sehingga kini, 103 kes dirawat di ICU termasuk 31 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



Stok kit ujian RTK-Antigen tiba di Sabah bagi melakukan saringan COVID-19 dan memperoleh keputusan lebih cepat.  
(Foto facebook Noor Hisham Abdullah)

## TUDM terbangkan 75,000 kit ujian RTK-Antigen

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 75,000 kit ujian COVID-19, RTK-Antigen diterbangkan ke Sabah oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tambahan bekalan sebanyak 25,000 lagi kit ujian akan dihantar ke negeri itu, minggu depan.

Susulan penghantaran 100,000 kit ujian itu, beliau menjangkakan bekalan terbabit cukup untuk kegunaan selama satu bulan.

"Terima kasih kepada bantuan semua pihak, terutama TUDM dalam menjayakan penghantaran ini," katanya semalam.

RTK-Antigen digunakan oleh petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM) ketika melakukan saringan COVID-19, bagi memperoleh keputusan lebih cepat.

Sebelum ini, petugas barisan hadapan KKM melakukan saringan dan ujian menerusi penggunaan RT-PCR.

Sementara itu, di Tawau, persiapan mewujudkan Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi menempatkan pesakit bukan COVID-19, giat dijalankan di Dewan Kompleks Sukan Tawau.

Hospital Medan terletak kira-kira 10 minit perjalanan dari Hospital Tawau adalah kerjasama

antara KKM dengan ATM.

Dr Noor Hisham berkata, pesakit bukan COVID-19 dari Hospital Tawau, akan dirawat di Hospital Medan ATM, khususnya untuk perkhidmatan obstetrik dan ginekologi, paediatik, ortopedik dan pembedahan am.

"Ini akan memberi lebih banyak ruang kepada Hospital Tawau merawat kes memerlukan penjagaan rapi (Kategori 3-5) termasuk yang dirujuk dari daerah berdekatan khususnya 'Semporna,'" katanya.

Sementara itu, kumpulan pertama petugas perubatan ATM selamat tiba di Lapangan Terbang Tawau, jam 1.30 tengah hari semalam, membabitkan empat pegawai dan 32 anggota Batalion Pertama Perubatan yang berpangkalan di Kuching dan Kota Kinabalu bersama elemen sokongan menggunakan pesawat TUDM A400.

Komander Hospital Medan ATM di Tawau, Kolonel Dr Shamsul Bahary Muhamad, berkata kehadiran petugas kesihatan Kor Kesihatan Diraja (KKD) itu adalah bagi membantu Hospital Tawau dalam menangani pandemik COVID-19.

"Pasukan ini adalah petugas perubatan pertama ATM yang hadir ke Tawau bagi penugasan fasa pertama Hospital Medan bertempat di Kompleks Sukan Tawau yang dijadualkan beroperasi pada 20 Oktober ini.

## Kluster Utama penyumbang kes teramai di Selangor

**Kuala Lumpur:** Kluster Utama yang berpunca daripada seorang pengawal keselamatan warga asing sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya, menyumbang kepada kes positif paling ramai di Selangor, apabila merekodkan 105 kes baharu COVID-19, semalam.

Penularan kluster itu yang kini merekodkan jumlah 131 kes dikesan di Gombak, Petaling dan Hulu Langat, Selangor serta satu kes di Alor Gajah, Melaka. Secara keseluruhan, Selangor merekodkan 150 kes jangkitan baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster itu mula dikesan pada 8 Oktober lalu, selepas pe-

ngawal keselamatan berusia 28 tahun itu, bergejala demam, batuk dan selesema sejak 22 September.

"Lelaki itu dikesan positif melalui saringan kontak rapat dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan.

"Sebelum ini Kementerian Kesihatan (KKM) mengesyaki kes ke-12,549 sebagai kes indeks, namun siasatan lanjut mendapati gejala beliau bermula lebih lewat berbanding kes ke-15023 (pengawal keselamatan).

"Semua 132 kes positif COVID-19 itu membabitkan 87 pekerja keselamatan, 18 pekerja pembersihan, 16 pekerja beberapa premis pusat beli-belah, enam pengun-

jung dan lima ahli keluarga kes ke-12,549," katanya pada sidang media harian KKM semalam.

Sementara itu, empat kluster baharu dikesan semalam, masing-masing satu di Sabah, Negeri Sembilan, Perak dan Labuan.

"Kluster baharu Olive di Sabah, membabitkan penularan di negeri lain dengan 16 kes positif setakat ini, apabila dikesan di Hulu Langat di Selangor dan Kota Marudu serta Penampang di Sabah.

"Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-11,489) dikenal pasti di Selangor, hasil saringan pada 2 Oktober lalu, pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) sebelum dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

# Kapasiti makmal ujian RT-PCR dipertingkatkan

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) sudah memperingkatkan kapasiti maksimum makmal COVID-19 mengendalikan 54,706 ujian Reverse transcription-polymerase chain reaction (RT-PCR), setiap hari.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia antara usaha berterusan untuk memperkukuh kesiapsiagaan pelbagai aspek kesihatan dalam mendepani penularan wabak berkenaan.

Katanya, pencapaian itu adalah hasil kesepaduan kerjasama semua 61 makmal di bawah KKM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, universiti awam (UA) dan swasta-serta makmal swasta.

Malah, beliau berkata, 13 makmal UA di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan makmal swasta kini dalam proses mengembleng sumber ke tahap maksimum.

“Setakat kelmarin, sebanyak 42 peratus kapasiti makmal negara digunakan.

“Peratusan itu dijangka meningkat bagi menguji lebih banyak sampel, terutama dari Zon

Merah, Zon Kuning dan aktiviti saringan serta pengesanan aktif kontak rapat oleh KKM,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Adham turut memaklumkan di Sabah, Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu (MKAKK), makmal di Hospital Queen Elizabeth dan Makmal Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kapasiti 2,500 ujian sehari, sudah beroperasi.

“Baki sampel dari keseluruhan Sabah dihantar dengan penerbangan ihsan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ke Semenanjung.

“Selain itu, makmal di Klinik Kesihatan Tawau Kubota sedang dilengkapkan supaya dapat menjalankan ujian RT-PCR, dan ia dijangka beroperasi dalam masa terdekat,” katanya.

Beliau berkata, ujian Kit Ujian Pantas Antigen (RTK-Ag) pula digunakan di lapangan bagi membantu pengesanan awal kes positif COVID-19 dengan lebih banyak.

“KKM akan terus memperingkatkan usaha bersepadu dengan pelbagai pihak untuk menjayakan usaha membendung COVID-19,” katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

## WHO puji keupayaan Malaysia depuni pandemik

**Kuala Lumpur:** Keupayaan Malaysia dalam kesiapsiagaan dan tindak balas mendepuni wabak, membantu mewujudkan asas stabil bagi tindak balas terhadap pandemik COVID-19.

Wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Malaysia, Brunei dan Singapura, Dr Ying-Ru Jacqueline Lo, berkata infrastruktur dan tenaga kerja terlatih untuk menawarkan jagaan kesihatan berkualiti tinggi yang dimiliki negara ini turut menyumbang kepada perkara itu.

Dalam ruangan komentar laman sesawang WHO bertajuk 'Sebuah negara bersatu mendepuni pandemik', beliau berkata, pada tahun sebelum pandemik, kera-

jaan serta pihak berkuasa kesihatan mengambil langkah untuk memperkukuh jaminan kesihatan Malaysia serta keupayaan tindak balas pelbagai sektor bagi kecekapan kesihatan dan kesediaan menghadapi bencana.

"Langkah ini termasuk persiapan dan penyertaan dalam Penilaian Luaran Bersama mengenai keupayaan teras Peraturan Kesihatan Antarabangsa dengan WHO pada penghujung 2019.

"Ia bagi membantu mengenal pasti jurang paling kritikal di antara sistem kesihatan manusia dan haiwan serta pembendungan bahaya alam sekitar.

"Pengenalpastian jurang membolehkan penyusunan keutamaan

keperluan dan peluang bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan tindak balas.

"Semua komponen ini berperanan penting dalam tindak balas awal Malaysia terhadap pandemik," katanya.

Dr Lo berkata, pada peringkat awal penularan wabak pada Februari lalu, Malaysia meningkatkan akses kepada pengujian berkualiti, jumlah katil bagi jagaan kritikal dan ventilator.

Perkhidmatan kesihatan dipertingkatkan dengan pantas bagi memenuhi permintaan baharu dan yang dijangka sambil pada masa sama kerajaan mengoperasikan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC)

di peringkat nasional dan negeri, serta menggerakkan pengambilan dan penghantaran petugas kesihatan berdasarkan kawasan yang mempunyai beban kerja tinggi.

Beliau berkata, Malaysia juga mengambil langkah segera mengekang penularan virus, termasuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta beberapa fasa dan lelarannya yang berjaya mengurangkan bilangan kes COVID-19 kepada separuh pada April.

"Susulan syor utama WHO untuk "uji, rawat dan kesan" penutupan, Malaysia melaksanakan strategi 'kesan, uji, asing, rawat dan kuarantin' bagi mengesan

kes dalam masyarakat.

"Ia juga melaksanakan langkah-langkah ketat berhubung kuarantin dan pengasingan kes yang disahkan dan disyaki," katanya.

Beliau berkata, Pejabat Wakil WHO turut bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan (KKM) serta rakan kongsi bagi menyediakan sokongan kritikal dalam bidang penyelarasan rakan kongsi, maklumat dan perancangan, kepakaran teknikal, sokongan operasi dan logistik.

Contohnya WHO membekalkan kit ujian awal sebelum peralatan itu tersedia secara komersial dan menyediakan protokol ujian bagi diagnosis sepanjang Mac 2020.

AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : COVID-19

Oleh Suraya Roslan dan  
 Raja Noraina Raja Rahim  
 am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**luster Utama mencatatkan 105 kes baharu Covid-19 semalam menjadikan kes kumulatif pesakit positif adalah seramai 132 individu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster itu mula dilaporkan pada 10 Oktober lalu membabitkan daerah Gombak, Petaling dan Hulu Langat di Selangor serta Alor Gajah, Melaka.

"Seramai 131 individu dilaporkan di Selangor manakala satu di Melaka membabitkan 107 warga asing dan 25 warganegara Malaysia.

"Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-15,023) adalah lelaki warga Nepal berumur 28 tahun yang juga pengawal keselamatan di sebuah pusat beli-belah di Petaling.

"Mangsa mula

**Kuala Lumpur** Walaupun jangkitan kes baharu Covid-19 masih menunjukkan tiga angka namun kes sembuh semalam mencatatkan antara tertinggi sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan iaitu membabitkan 409 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah keseluruhan yang pulih Covid-19 setakat ini adalah seramai 12,014 individu atau bersamaan 66.3 peratus.

"Kes pulih tertinggi dicatatkan di Kedah iaitu 226 kes, Sabah (111),

## 87 JAGA KENA KORONAVIRUS

*Kluster Utama babit 4 daerah catat 105 kes baharu*



Seramai 131 individu dilaporkan di Selangor manakala satu di Melaka membabitkan 107 warga asing dan 25 warganegara Malaysia"

Dr Noor Hisham Abdullah



mengalami gejala demam, batuk dan selesema sejak 22 September dan disahkan positif Covid-19 pada 8 Oktober melalui saringan kontak rapat dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan," katanya, semalam.

Menurutnya, sebelum ini Kementerian Kesihatan mengesyaki kes ke-12,549 sebagai kes indeks namun hasil siasatan lanjut mendapati gejala pesakit bermula lebih lewat berbanding kes ke-15,023. "Pecahan bagi 132 kes positif Covid-19 dikesan

dalam kluster ini membabitkan 87 pekerja keselamatan, 18 pekerja pembersihan, 16 pekerja di beberapa premis pusat beli-belah, enam pengunjung dan lima ahli keluarga kes ke-12,549.

"Seramai 447 individu disaring manakala 46 individu masih menunggu keputusan setakat hari ini (semalam)," katanya.

Menurutnya, pusat beli-belah itu ditutup bermula 11 hingga 16 Oktober bagi proses nyah kuman dan pembersihan.

"Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif bagi kluster ini masih diteruskan oleh Pejabat Kesihatan Daerah terbabit," katanya.

## Kedah catat kes pulih tertinggi

Selangor (50), Terengganu (8), Johor (7), Negeri Sembilan (6) dan Pahang (1)," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes baharu jangkitan Covid-19 di negara ini mencatatkan 589 kes berbanding kelmarin 660 kes dengan tiga kematian direkodkan.

"Ia menjadikan jumlah keseluruhan kes positif adalah 18,129 kes dan jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan Covid-19 pada angka 5,945 kes.

"Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini

(semalam), Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 304 kes (51.6 peratus) manakala 91 kes lagi daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai. Kes ini sememangnya terasing dalam penjara," katanya.

Menurutnya, di Lembah Klang pula merangkumi 27.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, iaitu Selangor mencatat 150 kes, Kuala Lumpur (9) dan Putrajaya satu kes.

"Ingin dimaklumkan daripada 589 kes baharu

yang dilaporkan terdapat tiga kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara yang kesemuanya membabitkan warga asing," katanya.

Berhubung kes kematian, beliau berkata, tiga kematian terbaharu direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian 170 kes.

Selain itu, katanya, terdapat 103 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 33 kes memerlukan bantuan pernafasan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19



KERJA persiapan untuk mewujudkan Hospital Medan giat dilakukan di Dewan Kompleks Sukan Tawau, Sabah, semalam.

## Siap siaga tubuh Hospital Medan

Oleh Abdul Rahemang  
Taiming  
am@hmetro.com.my

### Tawau

Persiapan mewujudkan Hospital Medan bagi menempatkan pesakit bukan Covid-19 giat dijalankan di Dewan Kompleks Sukan Tawau di sini, semalam.

Hospital Medan yang terletak kira-kira sepuluh minit perjalanan dari Hospital Tawau itu dibina dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi akaun Facebooknya berkongsi beberapa keping gambar persediaan dan kerja yang dilakukan di dewan terbabit.

"Pesakit bukan Covid-19 dari Hospital Tawau akan dirawat di Hospital Medan ini khususnya untuk perkhidmatan *obstetrics & gy-*

**Pesakit bukan Covid-19 dari Hospital Tawau akan dirawat di kemudahan dibina ATM, KKM**



Pesakit bukan Covid-19 dari Hospital Tawau akan dirawat di Hospital Medan ini khususnya untuk perkhidmatan *obstetrics & gynaecology, paediatrics, orthopaedic dan pembedahan am*"



PESAWAT TUDM membawa kelengkapan perubatan.

*naecology, paediatrics, orthopaedic dan pembedahan am.*

"Ini akan memberi lebih banyak ruang kepada Hospital Tawau merawat kes yang memerlukan penjagaan rapi (pesakit Covid-19 kategori 3 hingga 5) termasuk yang dirujuk dari daerah berdekatan, khususnya Semporna," katanya menerusi hantaran di Facebook beliau, semalam.

Sementara itu, beliau berkata, bagi kes Covid-19 yang tidak mempunyai gejala atau gejala ringan (kategori 1 dan 2) akan ditempatkan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC).

"Kementerian (Kesihatan) menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak terutama ATM yang membantu menjayakan Hospital Medan ini," katanya.

## Tingkat kapasiti 54,706 ujian sehari

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus meningkatkan kapasiti maksimum makmal Covid-19 kepada 54,706 ujian RT-PCR setiap hari.

Ini antara usaha memperkukuh kesiapsiagaan pelbagai aspek kesihatan dalam mendepani penularan Covid-19.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, pencapaian itu hasil kesepaduan kerjasama semua 61 makmal di bawah KKM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-TI), universiti awam (UA), institusi pengajian tinggi swasta serta makmal swasta.

"Ketika ini, 13 makmal UA di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan makmal swasta dalam pro-

ses mengumpul sumber ke tahap maksimum.

"Setakat semalam (kelmarin), 42 peratus kapasiti makmal digunakan dan ia dijangka meningkat bagi menguji lebih banyak sampel terutama dari zon merah, zon kuning serta aktiviti saringan dan pengesanan aktif kontak rapat oleh KKM," katanya.

Menurutnya, di Sabah, Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu (MKAKK), makmal di Hospital Queen Elizabeth dan Makmal Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kapasiti 2,500 ujian sehari sudah beroperasi.

Baki sampel dari seluruh Sabah pula dihantar dengan penerbangan ihsan Tentera Udara Malaysia (TUDM) ke Semenanjung.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Pengembara positif Covid-19 dari Sabah bawa virus mutasi D614G

## Kes di Selangor meningkat

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Selangor mencatatkan 150 kes penularan daripada 589 kes Covid-19 yang dilaporkan semalam berbanding kelmarin iaitu sebanyak 68 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 125 kes direkodkan daripada kluster-kluster sedia ada yang direkodkan di negeri itu selain 13 kes saringan kontak rapat, saringan individu bergejala (sembilan), kes mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah (empat) dan tiga kes daripada lain-lain saringan.

"Kluster Utama yang dilaporkan pada 10 Oktober lalu melibatkan daerah Gombak, Petaling dan Hulu Langat di Selangor serta daerah Alor Gajah, Melaka.

"Setakat 15 Oktober, sebanyak 105 lagi kes baharu telah dikenal pasti dalam kluster ini, menjadikan jumlah kes setakat ini adalah 132 kes melibatkan 87 pekerja keselamatan, pekerja pembersihan (18), pekerja premis pusat beli belah (16), pengunjung (6) dan lima ahli keluarga kes ke-12,549," katanya pada sidang akhbar secara maya di Facebook Kementerian Kesihatan semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 23 kluster dari Sabah yang „menjangkiti 604 pengembara pulang dari negeri tersebut setakat ini berkemungkinan besar membawa jangkitan virus dengan mutasi D614G.

"Virus Covid-19 di Sabah dikesan mempunyai mutasi D614G yang datang dari Filipina dan Indonesia. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah



**ANGGOTA bomba melakukan proses sanitasi di Pasar Awam Presint 8, Putrajaya semalam.** – FAISOL MUSTAFA

menjalankan ujian terhadap 20 virus Covid-19 yang diasingkan daripada Kluster Benteng LD serta dikesan mutasi D614G.

"Kita juga melaksanakan kajian strain virus di Sabah iaitu di Kluster Benteng LD dan strain itu datang dari Indonesia dan Filipina. Strain dari kumpulan sama dengan Kluster Sivagangga, Kluster Tawar, Kluster Sungai di Kedah tapi ciri-cirinya tidak sama," katanya.

Beliau berkata, perlu difahami virus Covid-19 sentiasa bermutasi dan terkini ialah mutasi D614G menjadikan virus ini kebolehjangkitannya adalah tinggi.

"Jadi *super-spreader* bukan ditujukan kepada virus tersebut tetapi kepada individu yang dijangkiti," katanya.

Berhubung kes harian se-

malam, beliau berkata, sebanyak 589 kes harian dilaporkan yang turut disumbangkan daripada empat kluster baharu selain pertambahan tiga lagi kes kematian menjadikan 170 kes sehingga kini.

Beliau berkata, sebanyak 586 kes penularan tempatan dan tiga kes import dari Indonesia dan Ukraine.

Menurutnya, tiga daripada empat kluster baharu yang dilaporkan melibatkan hasil saringan kes indeks yang pulang dari Sabah iaitu Kluster Olive, Kluster Bah Pasir, Kluster Bah Pengkalan, manakala Kluster Saguking adalah hasil saringan kemasukan ke hospital.

"Kluster Olive dikesan di daerah Hulu Langat, Selangor serta Kota Marudu dan Penampang,

Sabah dengan kes indeks lelaki berusia 60 tahun di Selangor dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dan susulan itu, 16 lagi dikesan positif Covid-19.

"Seterusnya, Kluster Bah Pasir di daerah Port Dickson, Negeri Sembilan dan Putrajaya dengan kes indeks lelaki berusia 64 tahun dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan lima lagi dikesan positif dalam kluster ini," katanya.

Beliau berkata, Kluster Bah Pengkalan pula dikesan di Hulu Perak, Perak melibatkan kes indeks lelaki dan wanita, masing-masing berusia 60 dan 69 tahun yang kini dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

"Kluster Saguking pula di Labuan iaitu kes indeks wanita berusia 25 tahun yang positif hasil saringan kemasukan ke Hospital Labuan dan seterusnya lima lagi dikesan Covid-19 hasil saringan yang dijalankan," katanya.

Katanya, kluster lain yang aktif menyumbang kepada peningkatan kes ialah Tembok (76), Penjara Seberang Perai (14), Tujuh Serangkai (11), Bah Manggis (sembilan), Benteng LD (lapan) dan Tasik (lima).

"Masing-masing tiga kes bagi Simera, Bah Tropicana, Sungei Way dan Bina selain Bangau-Bangau (dua) serta masing-masing satu kes untuk Penjara Reman, Ramai-Ramai, Jalan Meru, Bah Kasturi, Kencana, Jalan Pantai dan Bah Bundle," katanya.

Katanya, kes kematian melibatkan tiga mangsa termasuk dua wanita berusia antara 54 tahun hingga 100 tahun di Sabah.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

# Kapasiti makmal ke tahap maksimum

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) terus meningkatkan kapasiti maksimum makmal Covid-19 kepada 54,706 ujian RT-PCR setiap hari sebagai usaha memperkukuhkan kesiapsiagaan pelbagai aspek kesihatan dalam menangani penularan wabak Covid-19 ketika ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba dalam satu kenyataan berkata, pencapaian itu adalah hasil kesepaduan kerjasama semua 61 makmal bawah KKM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM); Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi (MOSTI); universiti awam, institusi pengajian tinggi swasta serta makmal swasta.

Beliau berkata, sebanyak 13 makmal UA di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan makmal swasta dalam proses menggembelng sumber ke tahap maksimum.

"Setakat 14 Oktober lalu, 42 peratus kapasiti makmal negara digunakan dan ia dijangka meningkat untuk menguji lebih banyak sampel terutama dari zon merah, zon kuning serta aktiviti

saringan dan pengesanan aktif kontak rapat oleh KKM.

"Di Sabah, Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu (MKAKK), makmal di Hospital Queen Elizabeth dan Makmal Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kapasiti 2,500 ujian sehari sudah beroperasi, manakala baki sampel dari keseluruhan Sabah

dihantar dengan penerbangan ihsan Tentera Udara Malaysia (TUDM) ke Semenanjung," katanya semalam.

Adham berkata, selain itu, makmal di Klinik Kesihatan Tawau Kubota sedang dilengkapkan supaya dapat menjalankan ujian RT-PCR dan dijangka beroperasi dalam masa terdekat.

"Ujian RTK-Ag iaitu ujian pengesanan antigen, digunakan di lapangan bagi membantu pengesanan awal kes positif Covid-19 dengan lebih banyak.

"KKM akan terus mempertingkatkan usaha bersepadu dengan pelbagai pihak untuk menjayakan usaha membendung Covid-19," katanya.



**KERJA** pembinaan Hospital Medan Tawau di Dewan Kompleks Sukan Tawau kini giat dilaksanakan.

## Hospital Medan Tawau tampung pesakit harian

**KUALA LUMPUR** – Kerja-kerja membangunkan Hospital Medan Tawau sedang giat dijalankan di Dewan Kompleks Sukan Tawau, Sabah.

Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, hospital medan yang terletak 10 minit dari Hospital Tawau itu merupakan kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Beliau berkata, pesakit-pesakit bukan Covid-19 dari Hospital Tawau akan dirawat di hospital medan ini, khususnya untuk perkhidmatan obstetrik dan ginekologi, pediatrik, ortopedik dan pembedahan am.

"Ini akan memberi lebih

banyak ruang kepada Hospital Tawau untuk merawat kes-kes yang memerlukan penjagaan rapi (kategori 3 hingga 5) termasuk yang dirujuk dari daerah berdekatan khususnya Semporna.

"Kes-kes yang tidak mempunyai gejala atau gejala ringan (kategori 1 dan 2) akan terus ditempatkan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah," kata beliau ketika memaklumkan perkara itu menerusi laman Facebooknya semalam.

Beliau turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak khususnya ATM yang membantu menjayakan Hospital Medan tersebut.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Malaysia merekodkan tiga kematian semalam

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN

PUTRAJAYA

# 409 kes pulih, 589 kes baharu

**K**es pulih daripada koronavirus (Covid-19) merekodkan angka tertinggi iaitu sebanyak 409 kes sejak pandemik itu menular di Malaysia.

Pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah sebanyak 12,014 kes bersamaan dengan 66.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kedah merekodkan kes pulih tertinggi sebanyak 226 kes, diikuti Sabah sebanyak 111 kes.

"Selangor merekodkan 50 kes pulih, Terengganu (lapan), Johor (tujuh), Negeri Sembilan (enam) dan Pahang (satu)," katanya pada sidang media maya yang disiarkan di Facebook Kementerian Kesihatan Malay-

sia (KKM) semalam.

Menurutnya, sebanyak 589 kes baharu positif Covid-19 dikesan di seluruh Malaysia menjadikan jumlah keseluruhan kes adalah 18,129 dengan 5,945 kes aktif.

"Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini (semalam), Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 304 kes.

"Secara keseluruhan, sebanyak 91 kes yang dilaporkan hari ini (semalam) terdiri daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai. Kes-



DR NOOR HISHAM

kes ini sememangnya terasing di dalam penjara," katanya.

Beliau berkata, kawasan Lembah Klang pula merangkumi 27.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, dengan Selangor mencatat 150 kes, Kuala Lumpur (sembilan) dan Putrajaya (satu).

"Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat (CPRC) Kebangsaan menerima laporan mengenai tiga kematian berkaitan Covid-19 melibatkan dua warga asing dan seorang rakyat tempatan di Sabah yang berumur 54 hingga 100 tahun," katanya.

132 positif dalam Kluster Utama

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan sebanyak 132 kes positif koronavirus (Covid-19) dalam Kluster Utama sejak ia mula dilaporkan pada 10 Oktober lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes itu melibatkan seramai 107 warga asing dan 25 rakyat tempatan.

